



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# MENDEPANI CABARAN PUNGUTAN HARGA KESAN PANDEMIK COVID-19: APA SETERUSNYA?

SUHAILA BINTI JALIL  
PERANGKAWAN E41

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI JOHOR

**KOLOKIUUM**  
STATISTIK & SCIENTIFIC POSTER **2021**

21 SEPTEMBER 2021 | SELASA

○ SECARA ATAS TALIAN



STATSMalaysia  
f t i c  
www.dsd.gov.my



# ISI KANDUNGAN

- 01** LATAR BELAKANG
- 02** IHP SEWAKTU PANDEMIK COVID-19
- 03** CABARAN PUNGUTAN HARGA PENGGUNA SEWAKTU COVID-19
- 04** APA SETERUSNYA?
- 05** KESIMPULAN



# LATAR BELAKANG



**KOLOKIU**

STATISTIK & SCIENTIFIC POSTER

**2021**



# LATAR BELAKANG

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA



Indeks Harga Pengguna (IHP) mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi "bakul" tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. "Bakul" ini merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang mempunyai kualiti dan kuantiti yang seakan-akan sama atau tidak berubah, mengandungi item yang berada lama atau boleh diukur secara berterusan di pasaran berbanding dengan masa. Perubahan harga barangan yang berlaku dalam bakul ini adalah disebabkan oleh perubahan harga yang sebenarnya sahaja, iaitu perubahan harga ini tidak berkaitan langsung dengan perubahan pada kuantiti atau kualiti barangan dan perkhidmatan tersebut

## 12 KUMPULAN UTAMA & WAJARAN

Makanan & Minuman Bukan Alkohol  
29.1%


Pakaian & Kasut  
3.2%

Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan  
Isi Rumah  
4.1%

Pengangkutan  
14.6%

Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan  
4.8%

Restoran & Hotel  
2.9%



Minuman Alkohol & Tembakau  
2.4%

Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan  
Api Lain  
23.8%

Kesihatan  
1.9%

Komunikasi  
4.8%

Pendidikan  
1.3%

Pelbagai Barangan & Perkhidmatan  
6.7%


### Pengemasinian bakul dan wajaran



### Pungutan Harga di lapangan



### Penyusunan IHP



Chain linked Laspeyres

KOLOKIU

STATISTIK & SCIENTIFIC POSTER 2021



# PUNGUTAN HARGA PENGGUNA DOSM JOHOR

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA




**OUTLET: 3,227**  
**SEBUTHARGA: 17,158**

| PPH | NAMA PPH                          | OUTLET MINGGUAN | OUTLET BULANAN | JUMLAH OUTLET |
|-----|-----------------------------------|-----------------|----------------|---------------|
| 02  | ** Johor Bahru                    | 51              | 389            | 440           |
| 03  | * Johor Bahru Tengah              | 26              | 245            | 271           |
| 04  | * Pasir Gudang                    | 25              | 228            | 253           |
| 05  | * Bandar Kluang                   | 39              | 261            | 300           |
| 06  | * Bandar Batu Pahat               | 26              | 194            | 220           |
| 07  | * Bandar Muar                     | 32              | 194            | 226           |
| 08  | * Bandar Segamat                  | 37              | 217            | 254           |
| 09  | * Bandar Kota Tinggi              | 33              | 216            | 249           |
| 10  | * Pontian Bandar                  | 25              | 209            | 234           |
| 11  | * Ledang                          | 27              | 169            | 196           |
| 12  | * Bandar Yong Peng                | 16              | 144            | 160           |
| 13  | Luar Bandar (Kluang/Batu Pahat)   |                 | 152            | 152           |
| 14  | Luar Bandar (Muar/Segamat)        |                 | 107            | 107           |
| 15  | Luar Bandar (Mersing/Kota Tinggi) |                 | 91             | 91            |
| 16  | Luar Bandar (Pontian)             |                 | 74             | 74            |
|     | <b>JUMLAH</b>                     | <b>337</b>      | <b>2890</b>    | <b>3227</b>   |

Nota:

- \*\* Ibu Negeri
- \* Bandar



- PHP dijalankan dalam tiga pendekatan :
  - Mingguan
  - Bulanan
  - Suku tahunan – Penyiasatan Sewa Rumah (PSR)

Pungutan dilaksanakan berdasarkan Pusat Pungutan Harga (PPH) di mana melibatkan:

- 11 PPH Bandar
- 4 PPH luar bandar

PHP mingguan dijalankan di outlet pasar di PPH kawasan bandar sahaja manakala bagi pungutan bulanan pula dijalankan di outlet bandar dan luar bandar.

Jumlah keseluruhan spesifikasi item barangan dan perkhidmatan di DOSM Johor sebanyak 673

Jumlah keseluruhan outlet dan sebutarga di Negeri Johor sebanyak

- 3,227 outlet dan 17,158 sebutarga

PHP dilaksanakan dengan menggunakan peranti (*electronic devices*) iaitu tablet.

# IHP SEWAKTU PANDEMIK COVID-19



**KOLOKIU**

STATISTIK & SCIENTIFIC POSTER

**2021**



# INDEKS HARGA PENGGUNA SEWAKTU PKP

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020. PKP dilaksanakan bagi mengekang penularan virus Covid-19 yang kini melanda Malaysia. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kini melalui beberapa Fasa bermula tahun 2020 sehingga 2021. Pelaksanaan PKP ini secara tidak langsung memberi kesan kepada aktiviti ekonomi termasuklah harga barangan pengguna.

## AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN SEWAKTU PKP

### AKTIVITI EKONOMI

- ❖ Pasar malam dan Bazar Larut Malam,
- ❖ Kedai Pakaian, , kedai gunting rambut, salon, SPA dan refleksologi,
- ❖ Kelas tuisyen, kelas muzik, kelas tarian, seni, kelas mengaji dan sebagainya



### SUKAN DAN REKREASI

- ❖ Semua aktiviti sukan dan riadah kecuali diri, kedai jogging dan berbasikal



### HIBURAN

- ❖ Aktiviti Kelab Malam atau pub,
- ❖ Aktiviti di taman tema, *indoor playground*, karaoke keluarga dan panggung wayang



### MESYUARAT

- ❖ Mesyuarat bersemuka agensi kerajaan dan swasta
- ❖ Seminar/bengkel/persidangan dan pameran



### SOSIAL

- ❖ Majlis-majlis keramaian seperti kenduri, majlis perkahwinan dan pertunangan, sambutan ulang tahun, sambutan kelahiran, perjumpaan semula dan lain-lain majlis sosial



### PELANCONGAN

- ❖ Aktiviti pelancongan keluar/masuk Kawasan PKP
- ❖ Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warga negara dan aktiviti pelancongan dalam negeri oleh pelancong asing






# PERUBAHAN PERATUS HARGA TAHUN KE TAHUN SEWAKTU PANDEMIK COVID-19 (MALAYSIA DAN NEGERI JOHOR)

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Indeks Harga Pengguna (2010=100), Perubahan Peratus Tahun 2018- November 2020 Malaysia Dan Negeri



Kadar inflasi di Negeri Johor melonjak kepada 3.4 peratus pada Jun 2021 berbanding tempoh sama tahun lalu. Peningkatan inflasi keseluruhan ini didorong oleh Indeks Kumpulan Pengangkutan (17.1%), Kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (3.3%) , Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (1.1%), Kumpulan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.5%), Kumpulan Restoran dan Hotel (0.3%), Kumpulan Kesihatan (0.2%), Kumpulan Pendidikan (0.2%), Kumpulan Minuman Alkohol & Tembakau (0.2%), Kumpulan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (0.2%) dan Kumpulan Komunikasi (0.1%).





# PERUBAHAN PERATUS HARGA TAHUN KE TAHUN MENGIKUT KUMPULAN UTAMA

| Kumpulan Utama, Subkumpulan dan Kelas Perbelanjaan |                                                |        | Perubahan Peratus (Tahun ke Tahun) |        |        |        |        |        |
|----------------------------------------------------|------------------------------------------------|--------|------------------------------------|--------|--------|--------|--------|--------|
|                                                    |                                                |        | Weights                            | Jan-21 | Feb-21 | Mar-21 | Apr-21 | May-21 |
|                                                    | Jumlah                                         | 12,438 | -0.8                               | -0.2   | 1.5    | 4.9    | 4.6    | 3.4    |
| 01                                                 | Makanan & Minuman Bukan Alkohol                | 3,438  | 1.1                                | 1.2    | 1.4    | 2.1    | 1.6    | 1.1    |
| 02                                                 | Minuman Alkohol & Tembakau                     | 411    | 0.3                                | 0.2    | 0.3    | 0.3    | 0.4    | 0.2    |
| 03                                                 | Pakaian & Kasut                                | 396    | -0.3                               | -0.2   | -0.3   | -0.5   | -0.6   | -0.5   |
| 04                                                 | Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain | 2,883  | -0.4                               | -0.6   | -0.6   | 3.1    | 3.3    | 3.3    |
| 05                                                 | Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah | 440    | -0.3                               | -0.3   | -0.2   | 0.3    | 0.5    | 0.5    |
| 06                                                 | Kesihatan                                      | 301    | 0.9                                | 0.8    | 0.0    | 0.0    | 0.4    | 0.2    |
| 07                                                 | Pengangkutan                                   | 2,017  | -6.8                               | -2.9   | 9.4    | 27.3   | 26.3   | 17.1   |
| 08                                                 | Komunikasi                                     | 661    | 0.0                                | 0.1    | 0.1    | 0.1    | 0.1    | 0.1    |
| 09                                                 | Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan             | 520    | 0.1                                | 0.1    | 0.2    | 0.1    | 0.2    | 0.2    |
| 10                                                 | Pendidikan                                     | 145    | -0.6                               | -0.7   | -0.5   | -0.1   | -0.2   | 0.2    |
| 11                                                 | Restoran & Hotel                               | 340    | -0.2                               | -0.4   | -0.3   | -0.4   | 0.0    | 0.3    |
| 12                                                 | Pelbagai Barangan & Perkhidmatan               | 886    | 0.6                                | 0.2    | -0.6   | 0.6    | 0.4    | -0.3   |

Tiga Kumpulan utama menjadi penyumbang utama inflasi negeri Johor iaitu Kumpulan Pengangkutan, Kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol, Kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain dan. IHP bagi Kumpulan Pengangkutan kekal positif untuk empat bulan berturut-turut semenjak Mac 2021 disebabkan oleh kesan asas yang rendah pada tahun lalu akibat daripada penyusutan harga bahan api untuk kenderaan persendirian. Kumpulan Perumahan, Api, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain turut menunjukkan peningkatan bagi tiga bulan berturut-turut disebabkan oleh rebat yang diperkenalkan oleh kerajaan sewaktu PKP manakala kumpulan makanan terus menunjukkan peningkatan pada setiap bulan sepanjang pandemik Covid-19.





# KENAIKAN HARGA PADA SUB KUMPULAN MAKANAN

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## Perubahan Peratus (Tahun ke Tahun)

|                                            | Jan-21     | Feb-21     | Mar-21     | Apr-21     | May-21     | Jun-21     |
|--------------------------------------------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|
| <b>Makanan &amp; Minuman Bukan Alkohol</b> | <b>1.1</b> | <b>1.2</b> | <b>1.4</b> | <b>2.1</b> | <b>1.6</b> | <b>1.1</b> |
| Makanan di luar rumah                      | 0.8        | 0.7        | 0.7        | 0.7        | 0.7        | 0.5        |
| Beras, roti & bijirin lain                 | 0.5        | 0.4        | 0.5        | -0.3       | 0.4        | 0.2        |
| Daging                                     | 1.3        | 1.6        | 1.9        | 6.4        | 2.1        | -2.9       |
| Ikan & makanan laut                        | 0.8        | 3.0        | 3.8        | 4.4        | 3.8        | 4.4        |
| Susu, keju & telur                         | 1.1        | 1.4        | 0.8        | 0.5        | 0.9        | 1.0        |
| Minyak & lemak                             | 1.9        | 1.5        | 2.2        | 2.9        | 3.8        | 6.7        |
| Buah-buahan                                | 0.6        | 1.2        | 2.0        | 2.5        | 2.4        | 1.7        |
| Sayur-sayuran                              | 3.8        | 0.9        | 1.2        | 4.0        | 1.7        | 1.1        |
| Gula, jem, madu, coklat & manisan          | -1.9       | -1.8       | -1.8       | 0.5        | 0.7        | 0.8        |
| Keluaran makanan t.t.t.l.                  | 3.1        | 2.5        | 1.9        | 1.4        | 1.5        | 1.1        |
| Kopi, teh, koko & minuman bukan alkohol    | 0.1        | 0.1        | 0.2        | 1.8        | 1.1        | 1.1        |

Indeks Makanan & Minuman Bukan Alkohol meningkat 1.1 peratus pada Jun 2021 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Kesemua subkumpulan menyumbang kepada kenaikan kumpulan ini kecuali subkumpulan Daging (-2.9%). Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh subkumpulan Minyak & lemak (6.7%) diikuti oleh Ikan & makanan laut (4.4%); buah-buahan (1.7%) Keluaran makanan yang tidak terkelas di tempat lain (1.1%) dan kopi, teh, koko & minuman bukan alkohol.







# HARGA PURATA BARANG MAKANAN UTAMA SEWAKTU PANDEMIK COVID-19

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA


Ayam diproses, 1 kg




Minyak masak, 5 kg




Telur ayam gred C, 10 biji




Ikan kembung, 1 kg



Bawang besar india, 1 kg



Udang dipelihara (8-12 cm), 1 kg



# CABARAN PUNGUTAN HARGA PENGGUNA SEWAKTU COVID-19



**KOLOKIUUM**

STATISTIK & SCIENTIFIC POSTER

**2021**



# DAPATAN KESAN COVID-19 TERHADAP NSO SELURUH DUNIA



1

**65% ibu pejabat ditutup sepenuhnya atau sebahagian, 90% bekerja dari rumah, dan 96% menghentikan operasi sepenuhnya**

3

**8/10 NSO berpendapatan rendah dan sederhana menghadapi masalah untuk beroperasi kerana kekangan pembiayaan**

5

**Kira-kira separuh daripada NSO menubuhkan atau merancang untuk menubuhkan platform bagi data nasional untuk memenuhi keperluan kerajaan dan orang awam**

2

**9 /10 NSO berpendapatan rendah dan mempengaruhi kemampuan mereka untuk memenuhi keperluan pelaporan antarabangsa**

4

**6/10 NSO yang mengambil bahagian dalam tinjauan, perlunya sokongan tambahan daripada luar bagi menghadapi cabaran terhadap penularan wabak COVID-19**

6

**Kaedah melalui panggilan telefon adalah paling biasa digunakan untuk menganalisis atau memantau aspek pandemik**



Panggilan Telefon



## TIGA SUMBER ALTERNATIF UTAMA

Whatsapp/telegram



Tinjauan Web





# CABARAN PUNGUTAN HARGA PENGGUNA SEWAKTU COVID-19

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

- Lokasi outlet yang jauh menyukarkan pegawai kerja luar untuk merentasi sempadan daerah bagi kutipan harga

- Kutipan data melalui telefon akan menyukarkan pegawai kerja luar untuk mengenalpasti item yang dibekalkan oleh responden

- Jumlah item yang banyak bagi sesuatu pasaraya memerlukan masa yang agak lama untuk proses kutipan sedangkan masa yang diperuntukan hanya 2 jam

Jarak

Corak  
Pembelian

Kualiti  
Data

**CABARAN  
PENGUMPULAN  
DATA PHP  
SEWAKTU  
PENDEMIK  
COVID-19**

Tempoh  
Masa  
Kutipan  
Harga

Kadar  
Respons

- Corak pembelian isirumah telah berubah sejak berlakunya pandemik Covid-19. Isirumah lebih cenderung membeli barang keperluan harian seperti makanan dalam kuantiti yang banyak sehingga kehabisan stok. Hal ini menimbulkan kesukaran kepada pegawai kerja luar bagi mendapatkan harga barangan
- Kesukaran untuk mendapatkan respons melalui panggilan telefon terutama apabila pegawai kerja luar menggunakan talian peribadi untuk menelefon responden



# APA SETERUSNYA?



**KOLOKIU**

STATISTIK & SCIENTIFIC POSTER

**2021**



# PERUBAHAN PADA IHP DI MASA HADAPAN


JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA





# APA SETERUSNYA?

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



## PENGUNAAN DATA PENTADBIRAN DARIPADA OUTLET TERPILIH


- Kerjasama daripada outlet terpilih
- .Keseragaman harga bagi outlet tidak sama mengikut cawangan



## WEBCRAPPING

- Pengumpulan data teks diubah menjadi senarai komoditi.
- Untuk meningkatkan kadar pengkodan secara automatik serta meningkatkan kualiti data.

## DATA PENGIMBAS



## e-SURVEY

- Memberi responden medium pengumpulan yang mudah digunakan
- Kos pembangunan sistem



# KESIMPULAN



**KOLOKIU**

STATISTIK & SCIENTIFIC POSTER

**2021**



# KESIMPULAN

Pandemik Covid-19 membawa impak kepada Pungutan Harga Di DOSM Negeri terutama sewaktu pelaksanaan PKP. Beberapa cabaran perlu dihadapi oleh DOSM Negeri bagi memastikan data yang dikutip adalah *reliable* dan bertepatan masa. Pelaksanaan PKP buat pertama kali pada 18 Mac 2021 telah membawa perubahan besar kerana hampir semua sektor ekonomi telah ditutup dan kutipan harga tidak dapat dijalankan seperti biasa. Walaupun terdapat beberapa outlet dibuka seperti kedai runcit dan pasaraya, namun kawalan pergerakan yang dilaksanakan telah menjadi kekangan bagi pelaksanaan kutipan harga di lapangan.

Beberapa kaedah alternatif telah dilakukan iaitu dengan menggunakan panggilan telefon, whatsapp/telegram serta melayari laman web outlet berkaitan bagi mendapatkan harga. Namun terdapat beberapa kelemahan antaranya kaedah alternatif ini tidak begitu sesuai bagi outlet yang mempunyai bilangan item yang banyak. Disamping itu kesukaran untuk mendapatkan kerjasama daripada responden.

Dalam menghadapi cabaran yang akan datang, beberapa inovasi perlu dipertimbangkan bagi memastikan kutipan harga dapat dilaksanakan secara berterusan dan efisien. Antara kaedah alternatif yang boleh dicadangkan iaitu penggunaan data pentadbiran, webscapping, data pengimbas dan e-survey. Namun kaedah baru ini juga memerlukan kajian menyeluruh bagi memastikan ianya sesuai dengan keadaan semasa.



# TERIMA KASIH

## KOLOKIUUM

STATISTIK & SCIENTIFIC POSTER **2021**

21 SEPTEMBER 2021 | SELASA

○ SECARA ATAS TALIAN

